



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2016/2017

Mei/Jun 2017

JMK 419 – Karya Terpilih Kesusastraan Asia Moden

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

- 2 -

1. Minat utama Shashi Despande ialah melakarkan konflik yang dihadapi oleh wanita moden yang berpendidikan tinggi di India, yang sentiasa bergelut dengan nilai tradisional dan patriarki di samping cuba mendapat “kebebasan” dan autonomi. Fiksyen Shashi Despande menjelajahi wanita yang cuba mencapai kepuasan bukan hanya sebagai anak, isteri dan ibu tetapi sebagai seorang manusia.

Berdasarkan *Roots and Shadows*, bincangkan pernyataan di atas.

(25 markah)

2. Tema ketaatan adalah salah satu tema utama dalam *When Heaven and Earth Changed Places* karya Le Ly Hayslip.

Berdasarkan contoh konkrit daripada teks,uraikan tema ketaatan yang bercanggah seperti yang digambarkan melalui hidup Le Ly.

(25 markah)

3. *Beyond Illusions* ialah sebuah novel yang memaparkan satu era penuh perubahan dalam sejarah Vietnam, iaitu satu titik peralihan negara Vietnam daripada Marxisme kepada reformasi ekonomi. Bagi Duong Thu Huong, perhubungan antara watak utama diubah dan dikorbankan oleh suasana politik semasa.

Bincangkan dengan kritis idea pengorbanan dalam novel ini.

(25 markah)

4. Tokong *Golden Pavilion* menjadi metafora utama dalam novel *The Temple of the Golden Pavilion*, karya Yukio Mishima. Tokong ini sentiasa menghantui fikiran watak utama, Mizoguchi.

Bincangkan makna dan kepentingan tokong ini kepada Mizoguchi.

(25 markah)

5. Huraikan idea impian dan fantasi yang berhubung dengan ajaran Buddha dalam *The Snow Country*, karya Kawabata Yasunari.

(25 markah)

6. Bincangkan tema tradisi dan perubahan silang budaya dalam masyarakat moden negara China seperti yang dilakarkan dalam cerpen terpilih dalam *A Thousand Years of Good Prayers*, karya Yiyun Li.

(25 markah)